

PERANCANGAN STRATEGIK InQKA 2017



Ombak Villa, Langkawi
21 - 23 Disember 2016

KANDUNGAN

Kata Pengantar Penolong Naib Canselor.....	3
Pengenalan	4
Sejarah Perkembangan InQKA.....	5
Visi dan Misi InQKA.....	6
Objektif InQKA.....	7
Pelan Perkembangan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015 - 2020 Kementerian Pendidikan Malaysia	8
Agenda Utama Universiti.....	9
RMK 11 UiTM.....	10
Tadbir Urus Kualiti UiTM.....	11
Carta Organisasi InQKA 2017.....	12
Carta Fungsi InQKA.....	13
SWOT.....	14

Cabaran Umum 2017.....	15
Strategik InQKA 2017.....	16
Projek Penarafan Universiti.....	17
Inisiatif Web Media UiTM.....	18
Projek Kecemerlangan Operasi (OE).....	19
Pencapaian Perancangan Strategik InQKA 2016.....	20
Perancangan Strategik InQKA 2017.....	21
Kalendar InQKA 2017.....	22
Mekanisma Pemantauan dan Pelaksanaan.....	23
Rumusan.....	24

Bengkel Perancangan Strategik InQKA 2017
21 - 23 Disember 2016
Ombak Villa, Langkawi

Kata Pengantar Penolong Naib Canselor

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, InQKA telah dapat menghasilkan Perancangan Strategik bagi tahun 2017 hingga 2020 yang mendokong 10 lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2020 (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan Malaysia dan Perancangan Strategik Universiti Teknologi MARA.

Saya merakamkan ucapan penghargaan kepada semua di InQKA dan juga jemputan yang terlibat dalam merancang dan menyumbang kepakaran bagi menyediakan Perancangan Strategik InQKA 2017-2020 ini.

InQKA menyokong penuh hasrat Universiti Teknologi MARA dan Kementerian Pendidikan Tinggi, untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Justeru, penghasilan Perancangan Strategik InQKA 2017-2020 dengan menetapkan beberapa Teras, Objektif Strategik, Keberhasilan Utama dan Sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) adalah satu usaha yang seiring dengan matlamat UiTM dan negara dalam menuju wawasan 2020.

Kerjasama semua pihak adalah amat diperlukan serta komitmen yang tinggi perlu dizahirkan bagi menjayakan Perancangan Strategik InQKA 2017-2020 ini. Setiap lapisan staf perlu melaksanakan Penunjuk Prestasi Utama atau KPI yang telah ditetapkan. Usaha ini secara tidak langsung akan dapat merealisasikan halatuju InQKA untuk menjadi Peneraju Jaminan Kualiti bagi memenuhi visi UiTM untuk menjadi Universiti bertaraf dunia, cemerlang dalam kualiti akademik yang ditawarkan serta membudayakan kualiti dalam semua aspek kehidupan berlandaskan iman, taqwa dan tawadhu'.

Terima kasih.

Profesor Dr. Hajah Roziah Mohd Janor

Penolong Naib Canselor

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu, Universiti Teknologi MARA


Pengenalan

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) ialah jabatan yang bertanggungjawab ke atas perihal kualiti di Universiti Teknologi MARA. Sebagai pusat pengurusan kualiti, InQKA mengurus serta menjadi pemangkin kepada aktiviti berkaitan kualiti yang dijalankan bukan sahaja di peringkat kampus induk dan fakulti di Shah Alam, waima di peringkat kampus negeri serta cawangannya, demi memastikan kepatuhan keseluruhan universiti kepada i) *Code of Practice for Institutional Audit (COPIA)*, ii) *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)*, iii) ketetapan badan-badan profesional serta iv) keperluan ISO 9001.

Meneruskan legasi jaminan kualiti, InQKA kekal bertindak sebagai penyelaras utama atau sekretariat universiti bagi urusan audit Pensijilan ISO9001:2008 di peringkat korporat oleh badan pensijilan LRQA; menyelaras urusan penganugerahan kualiti di peringkat universiti iaitu Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) dan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), di samping meneruskan lain-lain portfolio berkaitan kualiti. Pada tahun 2016 InQKA memberi fokus kepada beberapa projek Headline KPI universiti yang bertujuan untuk i) menambahbaik proses di peringkat operasi bagi seluruh sistem UiTM melalui projek *Operational Excellence (OE)*, ii) meningkatkan reputasi UiTM menerusi inisiatif Penarafan Universiti (QS dan THE), dan iii) Inisiatif ketampakan UiTM dipentas digitalisasi global menerusi Pemantapan Web Media UiTM.

Sejarah Perkembangan InQKA

Kualiti mula bertapak di UiTM sejak tahun 1994. Berbagai perubahan utama telah berlaku kepada InQKA sejak itu. Sejarah perkembangan InQKA boleh dijelaskan seperti berikut:



Visi dan Misi UiTM



Dasar Kualiti UiTM

UiTM komited untuk menguruskan universiti secara profesional demi melahirkan graduan bumiputera yang berdaya saing, global dan beretika serta sentiasa memenuhi keperluan pelanggan.

UiTM sentiasa meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem pengurusan kualiti melalui penambahbaikan secara berterusan untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia.

OBJEKTIF InQKA



1

Menjadi gerbang penyebaran maklumat universiti melalui laman web dan media sosial UiTM

2

Menghasil produk dan penerbitan ilmiah dari projek-projek kumpulan inovasi dan kreatif

3

Menjadikan InQKA sebagai pusat rundingcara kualiti setempat bagi Pusat Tanggungjawab

4

Mengurus data strategik untuk meningkat penarafan UiTM dalam QS World University Rankings, QS Asian University Rankings, Times Higher Education World University Rankings, Webometric, SETARA dan D-SETARA

5

Memperkasakan Penilaian Kendiri setiap Pusat Tanggungjawab berpandukan Sistem Pengurusan Kualiti Bersepadu (Integrated Quality Management System/IQMS) untuk memenuhi keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan profesional yang diiktiraf

6

Menjadikan Kualiti dan inovasi satu budaya di UiTM

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015 - 2020

Kementerian Pendidikan Malaysia



Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) atau PPPM (PT) 2015-2025 merupakan dokumen strategik yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, menggariskan hala tuju pendidikan tinggi negara untuk tempoh 11 tahun bermula dari 2015 sehingga 2025. Ia adalah kesinambungan daripada kajian semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2007-2020 serta penyelarasan PPPM (Prasekolah hingga Pendidikan Lepas Menengah) 2013-2025, yang bertujuan untuk meningkatkan dan memartabatkan sistem pendidikan tinggi negara.

Pelan ini mengandungi 10 lonjakan iaitu Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang, Kecemerlangan Bakat, Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat, Graduan TVET Berkualiti, Kemampunan Kewangan, Pemantapan Tadbir Urus, Ekosistem Inovasi, Keunggulan Global, Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global dan Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi.

Lonjakan ini akan menyokong lima aspirasi sistem pendidikan yang memberi tumpuan kepada akses, ekuiti, kualiti, kecekapan dan perpaduan bagi memangkin transformasi dan ia boleh menentukan masa depan yang lebih cemerlang untuk negara Malaysia.

AGENDA UTAMA UNIVERSITI

Di dalam dokumen Perancangan dan Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh Universiti Teknologi MARA 2011-2015, Agenda Utama universiti dibentuk bertujuan untuk memandu pengoperasian Model Hala Tuju Strategik UiTM: MDAB. Agenda Utama atau AU ini telah mengambil kira kesemua Projek Agenda Kritis (CAPs) dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Setiap AU mempunyai objektif strategik, strategi, petunjuk prestasi, VCSP dan inisiatif PTJ.

Terdapat 18 Agenda Utama Universiti yang telah dikenal pasti dan ia mencakupi aktiviti-aktiviti utama universiti seperti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, akademia dan industri, kepimpinan, dan keusahawanan. Setiap sasaran, teras dan sistem sokongan yang tertera dalam Model Hala Tuju Strategik UiTM: MDAB mempunyai perkaitan dengan 18 Agenda Utama Universiti.

Sebagai satu usaha kearah kelestarian, UiTM perlu melalui transformasi supaya kecemerlangan yang telah dicapai dapat dikekalkan dalam memberikan pendidikan yang berkualiti kepada jumlah pelajar yang semakin meningkat, iaitu kepada 200,000 pelajar sebagai menyahut aspirasi negara, serta dalam usaha memenuhi keperluan industri dan pihak berkepentingan. 11 punca dilihat sebagai pencetus transformasi UiTM iaitu:


- Globalisasi
- Perubahan Lanskap Pendidikan
- Liberalisasi dan Autonomi
- Pengurangan Bantuan Kewangan Kerajaan
- Perubahan Polisi dan Undang-undang
- Perubahan Keperluan Pelanggan
- Penarafan Dunia
- Peluang Ancaman Baharu
- Teknologi Baharu
- Persaingan
- Perubahan Lanskap Ekonomi

11 Agenda UiTM di dalam RMK 11 UiTM

- Kecemerlangan Bakat
- Aksesabiliti
- Pemantapan Tadbir Urus
- Graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang
- Kepemimpinan
- Menghayati pembelajaran sepanjang hayat
- Kemampunan Kewangan
- Meletakkan UiTM di peta dunia
- Ekosistem Inovasi
- Pembelajaran dalam talian tahap global
- Transformasi penyampaian universiti

TADBIR URUS InQKA


Berikutnya program transformasi UiTM yang telah dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi pada bulan September 2015, InQKA juga melalui proses transformasi dengan memantapkan tadbir urus dan sistem bersepadu InQKA. Fungsi-fungsi sedia ada di InQKA semenjak tahun 2010 seperti Jaminan Kualiti dan Audit, Penilaian Kecemerlangan dan Penambahbaikan Kualiti ditambahbaik bagi menyokong peranan InQKA yang semakin penting.



Makmal governan UiTM telah melahirkan tadbir urus kualiti yang lebih mantap dan sistematik (lihat rajah di sebelah). Tadbir Urus Kualiti “1UiTM, Multisistem” mencerminkan sokongan pihak atasan UiTM dalam usaha memartabatkan kualiti di mana Jawatankuasa Utama Jaminan Kualiti (JKIQU) akan mempengaruhi semua hal berkaitan jaminan kualiti dengan dua sayap utama – Jawatankuasa Pengurusan Kualiti dan Jawatankuasa Inovasi dan Kreativiti. JKIQU merangka dan membangunkan dasar-dasar yang berkaitan dengan pelaksanaan, komunikasi dan penyelenggaraan sistem pengurusan dan jaminan kualiti universiti. Kedua-dua jawatankuasa di bawah JKIQU pula akan merancang, mengenalpasti, menyelaras dan melaksana aktiviti kualiti, amalan terbaik dan latihan terperinci dalam usaha menguji sistem kualiti UiTM.

Carta Organisasi InQKA 2016

InQKA juga telah menetapkan halatuju baharu untuk jangkamasa lima (5) tahun bermula tahun 2016. Portfolio Sistem Pengurusan Kualiti digabungkan portfolio Penilaian Kendiri dan Audit dan Penilaian Kecemerlangan dan Amalan Terbaik. Manakala portfolio Kumpulan Inovatif dan Kreatif dan Projek Khas bekerjasama dalam menghasilkan perancangan strategik ini. Portfolio Penerbitan, ICT dan Komunikasi bergabung tenaga dengan Jabatan Web Media UiTM dalam memantapkan lagi fungsi utama kedua-dua laman web dibawah seliaan portfolio ini sebagai medium penyebaran maklumat universiti. Terdapat satu inisiatif baharu dibawah pengurusan Penolong Naib Canselor InQKA iaitu Projek Penarafan Universiti bagi melancarkan lagi tugas pengurusan data strategik bagi tujuan projek penarafan.



Carta Fungsi InQKA

PENOLONG NAIB CANSELOR, InQKA


- Memastikan pelaksanaan Dasar Kualiti (SPK)
- Memastikan Sistem Pengurusan Kualiti UiTM teguh (SPK/COPIA)
- Mengurus penambahbaikan proses-proses utama UiTM (OE)
- Menjamin kualiti program akademik (COPPA)
- Menjamin penarafan UiTM (QS/THE)
- Menjamin imej Unversiti terbaik (Webometrics/Web/Media Sosial)
- Membudayakan kualiti dan inovasi merentas sistem (KIK/AKNC)
- Memastikan keyakinan pelanggan/pemegang taruh berpuashati

Web Media dan Media Sosial	Penilaian Kendiri (COPIA/COPPA)	Inovasi dan Kreativiti	Pencapaian dan Penarafan	Komunikasi dan Pembudayaan kualiti	Sistem Kualiti	Kecemerlangan Operasi	Penilaian Kecemerlangan dan Amalan Terbaik	Penilaian dan ICT	Pentadbiran
1. Mengurus maklumat laman web dan media sosial UiTM	1. Merancang, menyelaras dan mengurus Penilaian Kendiri (COPIA) (ER) PTJ Akademik	1. Memantau pelaksanaan dasar	1. Mengurus proses verifikasi pencapaian dan penarafan	1. Mengurus pembudayaan kualiti seluruh sistem	1. Memastikan sistem Pengurusan Kualiti UiTM matang dan mampu	1. Merancang pendekanan sistem kualiti berintegrasi	1. Mengurus dan menyelaras anugerah kecemerlangan	1. Mengurus penerbitan InQKA	1. Mengurus fail etikal pengurusan dan pembangunan sumber manusia/belanjawan, kewangan, peralatan dan teknologi, perolehan, pengurusan harta dan pengurusan rekod dan fail
	2. Mengurus pelaporan ER	2. Menyelaras pengurusan aktiviti inovasi dan kreativiti samada dalam atau luar UiTM	2. Mengurus proses pelaksanaan Dasar Kualiti Universiti	2. Mengurus komunikasi dengan pihak luar	2. Mengurus pelaksanaan sistem kualiti berintegrasi	2. Merancang sesi penilaian anugerah kecemerlangan	2. Mengurus bahan percetakan dan promosi	2. Mengurus dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti Korporat UiTM	2. Mengurus dokument Sistem Pengurusan Kualiti Korporat UiTM
2. Memastikan penilaian maklumat yang tepat dan benar kepada pelanggan	3. Merumus penetapan ER	3. Merumus projek kualiti	3. Projek khas berkaitan kualiti	3. Mengadakan projek plagairism (TURNITIN)	3. Mengadakan tahap kecekapan operasi peringkat eksekutif	3. Mengurus pembentangan akhir anugerah kecemerlangan	3. Memantau/mengurus sistem aplikasi	4. Mengurus pangkalan data	3. Mengurus Sistem Pengurusan Kualiti InQKA
	4. Membentang rumusan serta cadangan penambahbaikan hasil ER kepada SENAT/JKIQU	4. Mengurus proses pemantauan pencapaian dan penarafan	4. Mengurus SETARA, D-SETARA	5. Menyedia laporan Tahunan InQKA	4. Mengurus Dokumen Kualiti Korporat UiTM	4. Menyelaras usaha pelaksanaan sistem kualiti kecemerlangan	4. Mengurus perkongsian amalan pengurusan terbaik	5. Mengurus perkongsian amalan pengurusan terbaik	4. Mengurus pengurusan program/bengkel/latihan
3. Mengurus aduan pelanggan yang diterima dari sumber media sosial rasmi universiti	5. Melatih staf akademik UiTM bagi melaksana Penilaian Kendiri (COPIA)	5. Menyelaras konvensyen KIK	5. Mengurus SETARA, D-SETARA	6. Menyemak bahan laman web InQKA	5. Mengurus Pensijilan ISO 9001 Korporat	5. Menyemak laporan pencapaian sistem kualiti dan kecekapan operasi	6. Memantau inisiatif penambahbaikan proses	6. Memantau peralatan ICT	5. Sekretariat Penilaian Luar InQKA
	6. Mengumpul dan memantau Self Review Report (SRR) PTJ Akademik	6. Menyelaras hasil projek inovasi	6. Mengurus data penarafan THE, QS dan QS STAR	7. Mengemaskini Self Review Portfolio	6. Menyelaras hal-hal berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)	7. Mengurus mesyuarat JPK, JKSP dan MKSP	7. Mengurus aktifiti tanda aras	7. Mengurus mesyuarat JKIQU, JPK dan JPWM	6. Mengurus mesyuarat JKIQU, JPK dan JPWM

SWOT

Pasukan kerja sokongan berilmu, matang dan open minded
Collaborative Partnership (Internal & External)
Struktur Tadbirurus Kualiti Jelas
Perancangan Jadual Aktiviti tahunan sebelum Januari
Dipercuryai, dihormati dan disanjung
Daya Tahan Spiritual
Gigih dan berdayatahan

Kerapuhan bakat
Burn-out
Kewujudan Digital
Kewujudan Fizikal
Analytics
Keyakinan Organisasi
Pematuhan Prosedur Kewangan Belum Mantap
Kemampuan membudayakan kualiti & inovasi
merentas sistem
Office ambient (suasana kerja)




Cabaran Umum 2017

- Dunia Antarabangsa (STEEP)
- Senario Malaysia (STEEP)
- Kementerian Pengajian Tinggi
- Universiti Awam
- UiTM (Transformasi, RMK11, Agihan Bajet)
- Pembangunan Kampus
- Peranan/ Fungsi InQKA 2017

Strategi InQKA 2017

- Tambahbaik SMART COLLABORATIVE PARTNER-
SHIP sedia ada
- Kurangkan pertindakan kerja
- Jimat kos perjalanan & penginapan dengan mengamal sidang video konferens dalam tadbir urus operasi kualiti
- Elak pembaziran tambah produktiviti
 - DIGITIZATION & SYNCHRONOUS SHARING
 - DECISION AT POINT OF EXIT
 - NO DELAY POLICY
- Reaching out/ Sourcing Out
- Sharing for Fund
- On the Job Training



Projek Penarafan Universiti

Sebelum Trans4U, pengurusan data bagi tujuan penarafan telah dilaksanakan oleh beberapa jabatan. Ketiadaan pusat yang bertanggungjawab menguruskan data untuk pelbagai badan penarafan dilihat sebagai kurang berkesan. Terdapat pelbagai isu juga yang membuktikan bahawa perlunya satu pusat yang menguruskan data bagi tujuan ini (lihat rajah sebelah).

Dengan Trans4U, InQKA telah diarahkan untuk menguruskan data untuk keperluan penarafan antarabangsa dan dalaman seperti:

- QS World University Ranking (QS WUR)
- Asia University Ranking (AUR)
- QS Star Rating
- Times Higher Education World University Ranking (THE)
- WEBOMETRIC
- SETARA dan D'SETARA
- MyRA



Inisiatif Web Media UiTM

INITIATIF PENUBUHAN JABATAN WEB MEDIA

01

Medium penyampaian dan penyebaran maklumat bagi pengurusan dan perkhidmatan universiti.

02

Medium komunikasi bagi warga universiti dan orang awam.

03

Mempertingkatkan tahap capaian kandungan maklumat universiti oleh warga dan orang awam.

04

Memberi imej dan reputasi UiTM sebagai sebuah universiti besar yang melaksanakan sistem tadbir urus yang kukuh.

IMPAK

05

Sistem komunikasi dan penyampaian maklumat yang lebih telus.

06

Peningkatan imej dan reputasi universiti dalam negara dan di peringkat antarabangsa.

Projek penarafan universiti dapat dilancarkan lagi dengan meletakkan Jabatan Web Media UiTM di InQKA bagi tujuan pengurusan data dan juga untuk meningkatkan imej dan reputasi UiTM di dalam dan luar negara.

Jabatan Web Media UiTM yang sebelum ini adalah di bawah Komunikasi Korporat UiTM dilihat sebagai medium penyampaian maklumat universiti paling utama. Jabatan ini digembelingkan dengan Pasukan Projek Penarafan Universiti untuk meningkatkan penarafan UiTM di QS World University Rankings, Times Higher Education World University Rankings, QS Asia University Ranking serta dalam penarafan dalaman seperti SETARA, D-SETARA dan MyRA. Web Media UiTM juga dapat menonjolkan imej dan reputasi UiTM sebagai sebuah universiti mega yang mempunyai sistem tadbir urus yang kukuh. Web Media UiTM juga akan menjadi pusat pengumpulan ilmu pelbagai yang menjadi pencetus kepada pemindahan ilmu dalam membangunkan masyarakat maju yang berdaya saing di dalam bidang media kreatif dan teknologi.

Pelancaran Laman Web Baharu UiTM

Laman web baharu UiTM telah dilancarkan pada 8hb Disember 2016 di Dewan Agong Tuanku Canselor, UiTM oleh YBhg. Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM. Laman web baharu ini mula boleh digunakan pada 4hb Januari 2017.

Laman web baharu UiTM berjaya memberikan wajah baru yang lebih segar dan menarik. Kriteria-kriteria laman web dan kandungan laman web juga telah ditambahbaik. Laman web baharu UiTM akan dijadikan laman web contoh kepada semua laman web pusat tanggungjawab UiTM. Penambahbaikan ini dibuat berdasarkan hasil pandangan soal selidik yang dibuat pada bulan April sehingga Jun 2016.

Laman web baharu UiTM yang dibangunkan ini adalah selari dengan perkembangan laman web masakini. Ia memberikan satu momentum atau impak yang positif kepada warga UiTM khususnya dan masyarakat luar amnya. Dengan ini, laman web baharu UiTM menjadi alat yang menyokong dan berkeupayaan merealisasikan UiTM menjadi sebuah universiti yang tersohor di mata dunia dengan mengamalkan pengurusan secara digital.



Projek Kecemerlangan Operasi Universiti

Melalui MEU Bil 8/2016 pada 23 Mac 2016, Unit Kecemerlangan Operasi (OE) telah diwujudkan berkuatkuasa mulai 1 Mei 2016 dengan menaik taraf skop tugas Ketua Pengurusan Kualiti kepada Pengarah Sistem Kualiti & Kecemerlangan Operasi di InQKA. Ia bertujuan untuk memastikan kecemerlangan operasi diberi keutamaan di UiTM. Ianya sangat penting untuk meningkatkan prestasi universiti dari segi operasi dan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Keberkesanan proses hasil dari penambahbaikan proses yang dilakukan dapat diukur berdasarkan penjimatan samada dari segi kos, masa, dan juga penggunaan sumber yang lain.

Terdapat beberapa aktiviti utama dalam usaha membangunkan kecemerlangan operasi universiti yang terdiri daripada pembentukan pasukan pelatih, komunikasi dan penubuhan pasukan OE, latihan untuk OE, membangunkan sistem '*on line process improvement register*' (OPIR), mengenalpasti dan merekod proses dan proses untuk penambahbaikan, mengukur prestasi proses semasa, menambahbaik proses, mengukur keberkesanan proses yang ditambahbaik, dan akhir sekali melaksana proses yang ditambahbaik. Perlaksanaan inisiatif kecemerlangan operasi UiTM akan menggunakan pendekatan 'DMAIC' Six Sigma. Keseluruhan proses ini dijangka siap pada November 2017.

Seramai lebih kurang 130 orang staf yang terdiri daripada Ketua Unit Kualiti dan Pelatih OE telah dilatih tentang perlaksanaan kecemerlangan operasi dan 'tools' yang digunakan untuk penambahbaikan proses seperti *Pareto Diagram*, *Fishbone Chart*, *Check Sheet*, *Value Stream Mapping*, *Flow Chart*, *Process Mapping* dan juga *Service Blue Printing*. Mereka pula melatih 'Excellence Team' di PTJ masing-masing yang kini berjumlah lebih kurang 900 orang (40% dari warga UiTM).



PENCAPAIAN PERANCANGAN STRATEGIK InQKA 2016

SISTEM PENGURUSAN KUALITI BERSEPADU (iQMS)

TERAS 4 – KEPIMPINAN TEMA STRATEGIK – TADBIR URUS ‘REFERRED, RESPECTED & RELEVANT’

OBJEKTIF STRATEGIK 5	KEBERHASILAN UTAMA	PENUNJUK PRESTASI UTAMA	TANGGUNG JAWAB	SASARAN 2016	PENCAPAIAN 2016
Memperkasakan Penilaian Kendiri setiap Pusat Tanggungjawab berpandukan Sistem Pengurusan Kualiti Bersepadu (Integrated Management System/iQMS) untuk memenuhi keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan profesional yang diiktiraf	<p>1 Pembentukan dokumen SPK bersepadu (Manual Kualiti, Prosedur dan dokumen sokongan yang berasaskan tadbir urus baru dan 'area of concentration'. Skop mencakupi semua tahap pengajian</p> <p>2 SPK diterimapakai dan dilaksanakan di semua PTJ pada September 2016</p> <p>3 Manual Kualiti, Prosedur Kualiti dan Dokumen Sokongan InQKA digubal</p> <p>4 SPK InQKA diterimapakai dan dilaksanakan pada Disember 2016</p>	<p>Senarai Dokumen SPK</p> <p>Tarikh Kuatkuasa</p> <p>Senarai Dokumen SPK</p> <p>Tarikh Kuatkuasa</p>	<p>Ketua Sistem Pengurusan Kualiti</p> <p>Ketua Sistem Pengurusan Kualiti</p> <p>Ketua Sistem Pengurusan Kualiti</p> <p>Ketua Sistem Pengurusan Kualiti</p>	<p>Februari</p> <p>September</p> <p>September</p> <p>Disember</p>	<p>Ogos - lebih dari 80% PTJ mempunyai dokumen SPK</p> <p>Ogos - lebih dari 80% PTJ menerima pakai SPK baharu.</p> <p>Menggunakan ai Manual Kualiti Korporat</p> <p>Mengguna pakai SPK Korporat</p>

TERAS 4 – KEPIMPINAN
TEMA STRATEGIK – TADBIR URUS ‘REFERRED, RESPECTED & RELEVANT’

OBJEKTIF STRATEGIK 5	KEBERHASILAN UTAMA		PENUNJUK PRESTASI UTAMA	TANGGUNG JAWAB	SASARAN 2016	PENCAPAIAN 2016
	No.	Kegiatan				
Memperkasakan Penilaian Kendiri setiap Pusat Tanggungjawab berpandukan Sistem Pengurusan Kualiti Bersepadu (Integrated Management System/iQMS) untuk memenuhi keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan profesional yang diiktiraf	6	Pelaksanaan Penilaian Risiko (Laporan Status SPK)	Bilangan dan jenis risiko yang dikenalpasti dan dinilai.	Ketua Sistem Pengurusan Kualiti	Satu Risiko: Pertukaran ISO 9001:2008 kepada versi 2015	Satu risiko dikenalpasti. Jenis Risiko: Pertukaran ISO 9001:2008 kepada versi 2015
	7	Kepuasan hati pelanggan (Laporan Status SPK)	Tindakan mitigasi yang dikenalpasti untuk menangani risiko yang mungkin timbul.	Ketua Sistem Pengurusan Kualiti	Melatih 200 staff untuk transisi ke versi baru secara berperingkat	Seramai 273 orang telah dilatih dan 60 orang diberi taklimat.
			Bilangan dan peratusan Aduan	Penolong Pendaftar Kanan	Berkala	-
			Bilangan dan peratusan Maklumbalas	Penolong Pendaftar Kanan	Berkala	-

TERAS 4 – KEPIMPINAN
TEMA STRATEGIK – TADBIR URUS ‘REFERRED, RESPECTED & RELEVANT’

OBJKTIF STRATEGIK 5	KEBERHASILAN UTAMA		PENUNJUK PRESTASI UTAMA	TANGGUNG JAWAB	SASARAN 2016	PENCAPAIAN 2016
	8	Penilaian Luar	Pertambahan Bilangan Penilai Luar/Kendiri	Ketua Penilaian Kendiri	dari 99 orang kepada 120; pertambahan seramai 21 orang	
			Latihan Penyediaan SRR	Ketua Penilaian Kendiri	Penyediaan Video	
			Kursus Audit Dalam Integrasi ISO9001 & COPIA	Ketua Penilaian Kendiri	Percubaan	Kursus Integrasi COPIA & ISO 9001, UiTM PERAK 20 -21 Jun 2016, peserta 30 org
			Bilangan dan peratusan Penilaian Luar yang dijalankan ke atas PTJ	Ketua Penilaian Kendiri	29 Feb - 7 Sept 2016	

TERAS 4 – KEPIMPINAN
TEMA STRATEGIK – TADBIR URUS ‘REFERRED, RESPECTED & RELEVANT’

OBJEKTIF STRATEGIK 5	KEBERHASILAN UTAMA		PENUNJUK PRESTASI UTAMA	TANGGUNG JAWAB	SASARAN 2016	PENCAPAIAN 2016	
Memperkasakan Penilaian Kendiri setiap Pusat Tanggungjawab berpaduan Sistem Pengurusan Kualiti Bersepadu (Integrated Management System/QMS) untuk memenuhi keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan profesional yang diiktiraf	10	Mengemaskini Dokumen Korporat	Bilangan dokumen yang dikemaskini	Penolong Pendaftar Kanan			
	11	Pemantauan SPK Korporat	Sistem	Bilangan dan peratusan keseluruhan Audit Dalam dilakukan oleh PTJ	Ketua Sistem Audit UiTM		Bagi tahun 2016, 15 PTJ telah disenaraikan untuk diaudit. Sebanyak 14 PTJ telah diaudit kecuali unit Pengurusan Risiko. Pencapaian adalah 93.3%
				Bilangan dan jenis ketidakpatuhan yang berlaku	Ketua Sistem Audit UiTM		Ketidakpatuhan: Minor (1) - IRMI
				Bilangan dan jenis tindakan pembetulan yang diambil untuk menangani ketidakpatuhan	Ketua Sistem Audit UiTM		RMI perlu untuk membuat tindakan pembetulan yang berkaitan dengan mendapatkan maklumbalas dari pelanggan yang mendapat servis dan perkhidmatan dari IRMI
			Bilangan dan jenis penambahbaikan yang dilaksanakan	Ketua Sistem Audit UiTM		Cadangan penambahbaikan adalah berkaitan dengan IRMI. Cadangan auditor adalah maklumbalas pelanggan dikumpul dan dianalisa bagi mengkaji keberkesanannya program yang dilaksanakan seperti 'road show' seperti 1. Siri Jelajah "Pemantauan Research" 2. Taklimat kepada penerima Geran 3. Klinik pemantauan penyelidikan	
12	Kajisemula Pengurusan SPK Korporat		Bilangan Pre MKSP	Penolong Pendaftar Kanan	19 SEP 2016		
			Bilangan MKSP		29 NOV 2016		

TERAS 1 – PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
TEMA STRATEGIK – PAKAR RUJUK

OBJEKTIF STRATEGIK 3	KEBERHASILAN UTAMA		PENUNJUK PRESTASI UTAMA	TJWB	SASARAN 2016	PENCAPAIAN 2016
	13	Latihan dan Konsultansi	1 Bilangan latihan/bengkel yang diberi kepada Ketua Unit Kualiti (KUK) (eg. ISO9001:2015)	Ketua Sistem Pengurusan Kualiti	22-23 Feb 2016 & 15-16 Mac 2016	Seramai 25 orang peserta telah hadir untuk ISO 9001:2015 Training for Corporate and InQKA Heads. Manakala 39 orang KUK telah hadir untuk kursus yang hampir sama. Jumlah peserta kedua-dua kursus adalah seramai 64 orang.
			2 Bilangan latihan/bengkel yang diberi kepada Wakil Pengurusan	Ketua Sistem Pengurusan Kualiti & ILD	7 April 2016 & 28 April 2016	Berlangsung pada 14/4 melibatkan 35 orang peserta.
			3 Bilangan latihan/bengkel yang diberi kepada Pengawal Dokumen	Ketua Sistem Pengurusan Kualiti & ILD	11 April 2016; 19 Julai 2016 & 4 Oktober 2016	2 sesi latihan telah dijalankan pada 3 dan 4 Oktober melibatkan 59 orang peserta.
			4 Bilangan latihan/bengkel yang diberi kepada Auditor Dalaman (KAD 4 kali)	Ketua Penilaian Kendiri & ILD	1-3 Mac 2016, 23-25 Mei 2016, 26-28 Julai 2016, 27-29 Sept 2016	

**TERAS 1 – PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
TEMA STRATEGIK – PAKAR RUJUK**

OBJEKTIF STRATEGIK 3	KEBERHASILAN UTAMA		PENUNJUK PRESTASI UTAMA		TJWB	SASARAN 2016	PENCAPAIAN 2016
	13	Latihan dan Konsultansi	5	TOT untuk KAD			
Menjadikan InQKA sebagai pusat rundingcara kualiti setempat bagi Pusat Tanggungjawab			6	Bilangan latihan/bengkel yang diberi kepada Pakar Rujuk & Pensyarah dsb. (e.g COPPA) *jana pendapatan 35 orang x RM200 x 3 siri = RM21,000	Ketua Penilaian Kendiri	2-3 Februari 2016	Telah dilaksanakan pada 11 & 12 Februari di Bilik Seminar PTAR 1, dengan bilangan peserta seramai 24 orang
			7	Bilangan kursus/latihan dihadiri oleh ketua2 InQKA (ISO9001:2015, COPIA/iQMS, Risk-based Assessment, etc.)	Ketua Sistem Pengurusan Kualiti	April-Ogos	
					Ketua Sistem Pengurusan Kualiti	24 Februari 2016	ISO 9001:2015

TERAS 4 – KEPIMPINAN					
TEMA STRATEGIK - TADBIR URUS 'REFERRED, RESPECTED & RELEVANT'					
OBJEKTIF STRATEGIK 6	KEBERHASILAN UTAMA	PENUNJUK PRESTASI UTAMA	TANGGUNG JAWAB	SASARAN 2016	PENCAPAIAN 2016
Menjadikan kualiti dan inovasi satu budaya di UiTM	Anugerah Kualiti Nabil Canselor (AKNC)	Dokumen Kriteria Baharu 2016	Ketua Penilaian Kecemerlangan	29-30 Mac 2016	Dokumen Kriteria 2016 dimaklumkan pada April 2016
		Dokumen Instrumen	Ketua Penilaian Kecemerlangan	17-18 Mei 2016, 14-15 Jun 2016, 26-27 Julai 2016	Dokumen Intrumen Penilaian Baru 2016 dimaklumkan pada April 2016
		Bilangan Penyertaan AKNC	Ketua Penilaian Kecemerlangan	6-7 Sept. 2016	Sebanyak 33 penyertaan dari seluruh sistem UiTM. Bahagian/Unit = 3, Kampus Negeri= 11, Fakulti = 19
		Bilangan Penilai Terlatih	Ketua Penilaian Kecemerlangan	60 orang	Bilangan penilai yang telah dilatihan adalah 27 orang

Jumlah Besar AKNC: **RM168,980**

**TERAS 1 – PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
TEMA STRATEGIK – MELETAKKAN UiTM DI PETA DUNIA**

OBJEKTIF STRATEGIK 3	KEBERHASILAN UTAMA	PENUNJUK PRESTASI UTAMA	TANGGUNGJA WAB	SASARAN 2016	PENCAPAIAN 2016
Menjadikan InQKA sebagai pusat rundingcara kualiti setempat bagi Pusat Tanggungjawab	DASAR/ DOKUMENASI/ TADBIR URUS KUALITI	Dasar Media Sosial UiTM	Pengarah Web Media UiTM	1 Mac 2016	Telah diluluskan oleh MEU dan telah diserahkan kepada pihak pentadbiran InQKA.
		Dasar Laman Sesawang UiTM V2	Pengarah Web Media UiTM	1 Mac 2016	Telah diluluskan oleh MEU dan telah diserahkan kepada pihak pentadbiran InQKA.
		Prosedur Penyediaan artikel/berita laman web InQKA	Ketua Penerbitan, ICT dan Komunikasi InQKA	1 Feb 2016	Belum dilaksanakan. *Cadangan dibawa kehadapan.
		Menu Wajib Laman Sesawang UiTM	Pengarah Web Media UiTM	30 Jan 2016	Selesai
		Prosedur muat naik maklumat ke dalam laman web InQKA	Ketua Penerbitan, ICT dan Komunikasi InQKA	1 Feb 2016	Belum dilaksanakan. *Cadangan dibawa kehadapan.
	QMS - ER, AKNC, KIK, Projek Khas	Dokumen Kualiti yang terkini dipaparkan di Laman Web InQKA	Ketua Penerbitan, ICT dan Komunikasi	Kemaskini 4 kali setahun	Laman Web Lama InQKA: 1) 27 April 2016 - Quality Policy & Quality Objective 2) 26 Mei 2016 - Dokumen AKNC 3) 29 Jun 2016 - Manual Kualiti Laman Web Baharu InQKA 4) 23 November 2016 - QAEP
		Pengurangan Bilangan Aduan bagi sistem SePADU; pemantapan sistem KIK; penambahan responden e-IQ	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat InQKA	Semakan sistem 2 kali setahun	Jumlah aduan/ pertanyaan bertambah kerana sistem ditambahbaik dan kebanyak PTJ baru menggunakan sistem Pemantapan Sistem KIK tidak dijalankan kerana tiada PPTM baharu Sistem e-IQ tidak digunakan bagi tahun 2016 kerana menggunakan Survey Monkey
	Sistem SePADU, SPKIK, e-IQ				

**TERAS 1 – PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
TEMA STRATEGIK – MELETAKKAN UiTM DI PETA DUNIA**

OBJEKTIF STRATEGIK 4	KEBERHASILAN UTAMA	PENUNJUK PRESTASI UTAMA	TANGGUNG JAWAB	SASARAN 2016	PENCAPAIAN 2016
Mengurus data strategik untuk meningkatkan penarafan UiTM dalam QS World University Rankings, QS Asian University Rankings, Times Higher Education World University Rankings, Webometric, SETARA dan D-SETARA	Pengiktirafan badan penarafan	Webometric (Kedudukan 500) Penarafan Website Oleh Organisasi Luar (MAMPU 5-Bintang)	Pengarah Web Media UiTM Pengarah Web Media UiTM	Julai 2016 Mac 2016	Ranking Dunia 829 pada Julai 2016 3 Bintang untuk 2015
	Pengurusan QS Star Rating bagi UiTM dan Pengurusan Penarafan QS WUR/THE WUR /SETARA/ D'SETARA/FAKULTI/ EMPLOYABILITY	Memuat naik maklumat yang diterima daripada Jawatankuasa Projek Penarafan Universiti	Pengarah Web Media UiTM	Dalam masa 5 hari bekerja	Memuatnaik maklumat umum di ruangan 'facts & figures'.
	Kepuasan Pelanggan dari Jabatan/ Kampus/ Fakulti/ Pelajar/ Ibubapa/ Kementerian/ Industri	Pembaharuan template Laman Web UiTM & InQKA	Pengarah Web Media UiTM Ketua Penerbitan, ICT dan Komunikasi InQKA	Laman Web UiTM mulai 1 April Laman Web InQKA mulai 1 Februari	Soal-selidik dibuat pada laman web sedia ada. Terdapat beberapa cadangan yang diambil kira untuk pembangunan laman web yang baharu. Laman web baharu dilancarkan pada 8 Disember 2016. Telah dilaksanakan pada 31 Januari 2016

TERAS 1 – PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
TEMA STRATEGIK – MELETAKKAN UiTM DI PETA DUNIA

OBJEKTIF STRATEGIK 1	KEBERHASILAN UTAMA	PENUNJUK PRESTASI UTAMA	TANGGUNG JAWAB	SASARAN 2016	PENCAPAIAN 2016
Menjadi gerbang penyebaran maklumat universiti melalui laman web dan media sosial UiTM	Kepuasan Pelanggan dari Jabatan/ Kampus/ Fakulti/ Pelajar/ Ibubapa/ Kementerian/ Industri	Pembaharuan template Laman Web UiTM & InQKA	Pengarah Web Media UiTM Ketua Penerbitan, ICT dan Komunikasi InQKA	Laman Web UiTM mulai 1 April Laman Web InQKA mulai 1 Februari	Pelanggan berpuas hati dan ada cadangan untuk penambahbaikan. Pembaharuan template kali ke-2: 5 September 2016
	Website/ Media Sosial yang memaparkan berita atau info terkini	Media Sosial sebagai Medium Saluran info terkini dan makluman kepada PTJ	Ketua Unit Media Sosial Pen. Pegawai Penerbitan InQKA (Admin FB InQKA)	Dalam tempoh 1 hari bekerja	Telah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu melebihi 20,000 Likers. FB: 27,465 (As 16 Dec 2016) Twitter: 3118 Instagram: 1548 EOTG: 18621 Viewers Muat naik secara berterusan. FB Biasa (Rakan): 1,438 orang FB Page (Likes) : 302 Likes
	Penerbitan Bercetak/ Elektronik	e-Dokumen Kualiti e-buletin e-Laporan Tahunan (InQKA)	Ketua Penerbitan, ICT dan Komunikasi InQKA	Mac, Jun, Sep, Dis (e-buletin) Disember (e-Laporan Tahunan)	Selesai kemaskini 4 dokumen. Bawa kehadapan.
	Laman Web dan Media Sosial yang seragam	Penyeragaman Laman Web dan Media Sosial UiTM - Audit Laman Sesawang & Media Sosial PTJ	Pengarah Web Media UiTM Ketua Unit Media Sosial UiTM	Februari - Mac 2016	Telah dimaklumkan kepada webmaster dan pentadbir media sosial PTJ. Pemantauan pusingan pertama bermula Disember 2016.

TERAS 1 – PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
TEMA STRATEGIK – MELETAKKAN UiTM DI PETA DUNIA

OBJEKTIF STRATEGIK 6	KEBERHASILAN UTAMA	PENUNJUK PRESTASI UTAMA	TANGGUNG JAWAB	SASARAN 2016	PENCAPAIAN 2016
Menjadikan kualiti dan inovasi satu budaya di UiTM		Penyeragaman Laman Web dan Media Sosial InQKA yang seragam	Ketua Penerbitan, ICT dan Komunikasi InQKA	Januari – Disember 2016	Pelancaran laman web baharu InQKA pada 29 November 2016
	Penghargaan kepada Auditor/ KUK/ JKLIK/ JK Webmaster / Penilai Luar / Penilai AKNC	Pertandingan/ Spotlight on JK WEBMASTER “Spotlight” on Auditor/ KUK/ JKLIK / Penilai Luar/ Penilai AKNC	Pengarah Web Media UiTM Ketua Penerbitan, ICT dan Komunikasi InQKA	Surat Penghargaan bulanan Februari Sudut “spotlight” di Laman Web InQKA	Pertandingan tidak dilaksanakan. 2 Spotlight telah dikemaskini di laman web baharu InQKA
	Pembangunan Bakat, Ilmu dan Sumber	Bengkel Pemantapan Laman Web UiTM Bengkel Pemantapan Media Sosial UiTM	Pengarah Web Media UiTM Ketua Unit Media Sosial UiTM	Satu bengkel setahun	Selesai

JUMLAH RM19,540.00

BAB 3 PROJEK PENARAFAN UNIVERSITI

TERAS 1- PENGAJARAN & PEMBELAJARAN TEMA STRATEGIK – MELETAKKAN UITM DI PETA DUNIA					
OBJEKTIF STRATEGIK 4	KEBERHASILAN UTAMA	PENUNJUK PRESTASI UTAMA	TANGGUNG JAWAB	SASARAN 2016	PENCAPAIAN 2016
Mengurus data strategik untuk meningkatkan penarafan UiTM dalam QS World University Ranking, QS Asian University ranking, QS-subject, Times Higher Education World University Ranking, Webometric, SETARA, D'SETARA	1 Pengurusan QS Star Rating UiTM	Kedudukan QS Rating	Penolong Pendaftar (K) InQKA	Data dikumpul sebelum Jan 2016 Capai 3*	1) Data telah dihantar ke pihak QS. UiTM telah memperoleh 3* untuk QS Star Rating. 2) Bengkel Pangkalan Data Penarafan telah diadakan untuk pembangunan sistem U-IRIS (Data QS Star Rating termasuk di dalam sistem ini).
	2 Pengurusan Penarafan QS/ THE/ SETARA/ D'SETARA/ FAKULTI/ EMPLOYABILITY	Skor maklumbalas kajiselidik Persepsi Warga UiTM untuk Projek Penarafan Universiti.	Dr Normizar Anuar	Skor positif pada maklumbalas	Hasil maklum balas telah dianalisa: 1) Majoriti warga UiTM memberikan tindakbalas positif kepada usaha meningkatkan kedudukan penarafan UiTM. 2) Book of issues telah dihasilkan - kumpulan cadangan dan isu yang diutarakan oleh warga UiTM
